



## TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG  
DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI**

**SEMPENA  
SAMBUTAN ULANG TAHUN TUAN YANG TERUTAMA  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG KE-74 TAHUN 2023**

**PADA 14 OKTOBER 2023 (SABTU) JAM 8.45 PAGI  
BERTEMPAT DI DEWAN SRI PINANG**

Bismillahirahmanirrahim

**YAB Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang dan

YABhg Puan Tan Lean Kee,

**YB Dato' Law Choo Kiang**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan

YBhg Datin Teoh Hooi Tuang,

Barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pasangan,

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya dan Toh Puan melahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, berada dalam keadaan sihat walafiat bagi menghadiri Majlis sempena hari yang bermakna ini.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang yang sentiasa mendoakan kesejahteraan saya dan Toh Puan, serta yang menyampaikan ucapan tahniah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Rasmi saya ke-74.
3. Terlebih dahulu, izinkan saya melafazkan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri atas ucapan ikrar taat setia bagi pihak Kerajaan, anggota perkhidmatan awam dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang.

4. Ucapan dan ikrar tersebut secara tidak langsung mencerminkan hubungan erat di antara institusi Yang di-Pertua Negeri dengan Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang amnya.

5. Saya juga ingin merakamkan sekalung tahniah kepada YAB Ketua Menteri dan barisan kepimpinan yang lain atas kemenangan majoriti 2/3 pada Pilihan Raya Umum bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang ke-15.

6. Saya percaya dan yakin, amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang akan terus disahut dengan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan cemerlang ke arah satu matlamat yang sama iaitu dalam menjayakan Visi Penang2030. Nasihat saya, **“kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah”**.

7. Nescaya, kemakmuran dan keamanan negeri ini tidak akan dapat diteruskan tanpa adanya semangat bersatu padu dan toleransi antara kita semua.

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

8. Alhamdulillah, sebagaimana dimaklumkan oleh YAB Ketua Menteri tadi, pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang adalah melebihi pertumbuhan ekonomi nasional dan telah mengatasi kesemua negeri pada tahun 2022. Apa yang membanggakan, di bawah kepimpinan pentadbiran YAB Ketua Menteri, ekonomi Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan pertumbuhan yang meningkat dengan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak **Ringgit Malaysia satu ratus dua belas perpuluhan satu bilion (RM112.1 bilion)**. Syabas diucapkan.

9. Kejayaan ini diukir dengan pertumbuhan ekonomi daripada sektor pembuatan yang terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang tertinggi dengan mencatatkan peningkatan daripada 12.4 peratus pada tahun 2021 kepada 15.9 peratus pada tahun 2022.

10. Negeri Pulau Pinang turut mencatatkan sebanyak **Ringgit Malaysia tiga belas perpuluhan tujuh bilion (RM13.7 bilion)** dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan pada tahun 2022, melibatkan aliran masuk 135 projek dengan penjanaan sebanyak 15,752 peluang pekerjaan baharu di negeri ini.

Ini menjadikan Negeri Pulau Pinang penyumbang kedua tertinggi, dengan sumbangan sebanyak 16 peratus dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan dalam negara pada tahun 2022.

11. Pelaburan langsung asing (FDI) pula, mencatatkan sebanyak **Ringgit Malaysia sembilan perpuluhan tujuh bilion (RM9.7 bilion)** atau 71 peratus daripada aliran masuk pelaburan pembuatan bagi tahun 2022, dengan baki berjumlah **Ringgit Malaysia empat bilion (RM4 bilion)** merupakan pelaburan langsung domestik (DDI). Pencapaian ekonomi yang baik ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang berada dalam landasan ekonomi yang utuh, dan adalah menjadi harapan saya agar pencapaian gemilang ini akan terus digilap dan dipertingkatkan demi kestabilan dan kemakmuran negeri yang tercinta ini.

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

12. Dewasa kini, isu yang menjadi perhatian dan kebimbangan rakyat adalah mengenai soal keterjaminan makanan atau *food security*. Ini berkait rapat dengan soal ketidakcukupan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) dan kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) negara pada masa kini. Kedua-dua ini menjadi topik perbincangan dan kegusaran rakyat, khususnya penduduk di Negeri Pulau Pinang.

Walaupun Negeri ini merekodkan hasil purata pengeluaran padi tertinggi negara iaitu, sehingga mencecah 5.053 metrik tan per hektar pada tahun 2022, isu ketidakcukupan bekalan beras putih tempatan dan kenaikan harga beras putih import secara tidak langsung menganggu-gugat keharmonian negeri ini secara khususnya.

13. Fenomena kenaikan harga beras ini bukan hanya berlaku di Malaysia, malah turut melibatkan negara serantau. Sebanyak 19 negara telah menghadkan eksport ke negara luar untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri. Misalnya, sekatan eksport beras oleh Negara India mulai Julai 2023 yang telah memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global.

14. Kendatipun begitu, saya percaya dan yakin, dengan jentera di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri, isu ini akan dapat diselesaikan dengan sebaiknya dengan kerjasama erat Kerajaan Pusat. Jalinan kerjasama ini dapat dilihat melalui Program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan (BPT), di mana Negeri Pulau Pinang telah menerima sebanyak 45,000 kilogram (kg) beras menerusi pelaksanaan program ini.

15. Selain daripada itu, pelbagai pelan intervensi juga sedang giat dijalankan menerusi *outlet* peruncitan di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam membantu menstabilkan permintaan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran setempat bagi memenuhi keperluan pengguna, dan seterusnya menjamin kestabilan bekalan pasaran di seluruh Negeri Pulau Pinang.

16. Saya turut dimaklumkan, pada tahun ini Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak **Ringgit Malaysia lapan ratus ribu (RM800,000.00)** untuk industri padi di negeri ini melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang. Peruntukan yang disalurkan ini adalah bagi pemberian insentif dalam bentuk input kawalan perosak, peningkatan kesuburan tanah serta infrastruktur dalam petak padi. Selain daripada itu, bimbingan dan khidmat nasihat teknikal kepada kelompok-kelompok usahawan padi di negeri ini juga sedang giat dijalankan secara berterusan bagi meningkatkan pengeluaran padi di negeri ini. Usaha-usaha yang dijalankan ini saya percaya, akan sedikit sebanyak membantu untuk mengurangkan kos penyelenggaraan ladang, dan secara tidak langsung meningkatkan produktiviti padi di negeri ini.

17. Adalah menjadi harapan saya dan seluruh rakyat Pulau Pinang, agar isu keterjaminan makanan di negeri ini akan terus menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dengan pemerkasaan langkah-langkah yang strategik dan berkesan.

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

18. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk memuji tindakan proaktif Kerajaan Negeri dalam menangani isu kekeruhan air mentah di Sungai Muda di Lahar Tiang, ekoran kejadian banjir kilat di Baling, Kedah pada 29 September baru-baru ini. Syabas saya ucapan kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) yang telah berjaya memulihkan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang kira-kira 21 jam selepas kejadian banjir tersebut.

19. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada seluruh rakyat Pulau Pinang yang terus memahami krisis bekalan air di negeri ini. Sesungguhnya, gangguan bekalan air tidak berjadual yang berlaku itu adalah disebabkan oleh kejadian dan faktor yang di luar kawalan kita semua.

20. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memberi komitmen untuk menyiapkan Projek Pembinaan Fasa 2B pada akhir tahun ini, bagi melengkapkan sistem bekalan air di Empangan Mengkuang. Penyiapan projek ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran air mentah dari 300 juta liter sehari (JLH) ke 600 juta liter sehari (JLH) dari Empangan Mengkuang.

21. Dalam hal ini saya harap, rundingan bersama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Negeri Perak dapat terus dipergiatkan, bagi memastikan projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dapat dimulakan dengan segera, kerana projek ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada permintaan air Negeri Pulau Pinang tetapi juga kepada pengguna-pengguna bekalan air di zon utara Negeri Perak.

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

22. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Negeri Pulau Pinang merupakan negeri kedua tertinggi penuaan di Malaysia selepas Negeri Perak, di mana hampir 15 peratus daripada 1.77 juta penduduk Pulau Pinang adalah dalam lingkungan umur 60 tahun atau lebih.

Projek Penduduk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu meramalkan bahawa menjelang 2040, Negeri Pulau Pinang akan mempunyai populasi penuaan tertinggi di Malaysia.

23. Saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan Negeri telah bersedia dengan pelbagai langkah, program dan kempen, di bawah Visi Penang2030, bagi memastikan kesejahteraan dan kebijakan warga emas di negeri ini akan terus terjaga dengan sebaiknya. Kendatipun begitu, dalam mengoptimumkan potensi diri warga emas melalui penuaan sihat, positif, aktif dan produktif, saya berharap sektor kesihatan di negeri ini dapat terus diperkasakan melalui program dan penjagaan kesihatan yang khusus untuk warga emas. Masih terdapat ruang penambahbaikan dan inisiatif lain yang boleh dilaksanakan, dan semestinya perkara ini perlu diperhalusi dengan sebaiknya dalam usaha kita meningkatkan lagi kesejahteraan hidup warga emas di negeri ini.

24. Sejajar dengan harapan itu, saya juga berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat memberi keutamaan kepada Negeri Pulau Pinang dalam menambah atau mewujudkan perjawatan baharu, di samping memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur serta peruntukan khusus berkaitan penjagaan kesihatan warga emas di negeri ini.

**Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,**

25. Keharmonian dan tiang seri sebuah negara pada asasnya terletak pada perpaduan dan kestabilan ekonomi dan politik. Visi Penang2030 yang telah digagaskan oleh YAB Ketua Menteri merupakan batu asas utama dalam memastikan rakyat di negeri ini hidup bersatu padu dalam suasana yang seimbang, di samping memartabatkan nilai dan akhlak moral yang tinggi. Rakyat Pulau Pinang pada masa kini mempunyai pedoman di bawah Visi Penang2030 bagi melangkah lebih maju di dalam dunia globalisasi yang tidak menentu pada hari ini. Apa yang pasti, Visi ini tidak hanya boleh dilihat sebagai gagasan aspirasi rakyat semata-mata, sebaliknya diterjemahkan sebagai satu matlamat kongkrit bagi mencapai masyarakat yang lebih maju, terampil dan terangkum.

26. Seiring dengan Visi ini, gagasan Malaysia MADANI yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, juga turut mengajak seluruh rakyat untuk mengangkat martabat insan berpaksikan keyakinan, nilai, akhlak serta tata kelola yang adil dan berkesan.

Saya yakin pengenalan Malaysia MADANI ini adalah amat tepat dan wajar sekali, sesuai dengan prinsip bahawa tahap kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur oleh petunjuk ekonomi dan kemampuan berdaya saing semata mata, tetapi juga dinilai dari aspek integriti dan moral yang dimiliki oleh organisasi dan masyarakatnya.

27. Hakikatnya, gagasan Malaysia MADANI dan Visi Penang2030 tidak dapat dijayakan dengan sebaiknya tanpa dorongan dan sokongan daripada semua pihak, sama ada sektor awam, swasta atau pertubuhan bukan kerajaan. Kedua dua nya perlu digerakkan secara harmoni dan seiring, dengan melibatkan semua bangsa dan kaum, khususnya bagi penduduk di negeri ini. Kelangsungan gagasan dan visi ini juga merupakan tanggung jawab besar para pemimpin politik di negeri ini yang perlu berganding bahu secara bersama dalam memastikan kestabilan politik di negeri ini dapat diseimbangkan dengan sebaiknya.

28. Oleh yang demikian, saya berharap semua rakyat Pulau Pinang dapat bertiwikrama secara bersatu padu dalam menjayakan Visi Penang2030 dan Malaysia Madani bagi memastikan kestabilan politik, keamanan serta kemakmuran ekonomi negeri ini terus diperteguh dan diperkujuh tanpa diganggu-gugat atau di porak perandakan oleh anasir-anasir luar yang tidak bertanggungjawab.

**Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,**

29. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Hari Ulang Tahun saya yang ke-74 ini.

30. Sesungguhnya, anugerah ini dikurniakan kepada mereka yang terpilih, yang telah menunjukkan komitmen dan ketinggian peribadi serta menjadi teladan yang baik kepada masyarakat amnya.

31. Semoga kurnian anugerah ini secara tidak langsung dapat menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada semua penerima untuk terus menyumbang dan menabur khidmat bakti kepada negara, khususnya di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, saya menggesa agar penerima sekalian menyahut hasrat dan seruan ini dengan penuh intergriti dan dedikasi, di samping menjaga tatasusila dan tingkah laku serta pekerti yang mulia.

32. Akhir kata, saya berdoa agar Negeri Pulau Pinang sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera sepanjang masa, dilindungi daripada segala keburukan dan keaiban, malapetaka dan bencana alam, dihindarkan daripada segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan dan sentiasa diberkati ke jalan yang direndai oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.